

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HIS 224 Institusi Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. DUA [2] dari Bahagian A dan DUA [2] dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Institusi kekeluargaan mempunyai kedudukan yang tinggi lagi mulia dalam pandangan Islam. Cara yang paling baik dan sesuai untuk pembentukan sesebuah keluarga ialah menerusi perkahwinan. Bincangkan pernyataan ini dari segi-segi berikut:
 - (a) Kewajipan berkahwin di dalam Islam.
 - (b) Implikasi sosial daripada perkahwinan.
 - (c) Faktor-faktor yang menghalang perkahwinan.
2. Islam mewajibkan seorang suami memberi nafkah kepada isterinya. Huraikan isu ini dari segi-segi berikut:
 - (a) Syarat-syarat nafkah.
 - (b) Anggarannya.
 - (c) Nafkah wanita yang diceraikan.

.../2

3. Menurut sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Iman Ahmad bin Hanbal, bahawa lawa'iq baik seorang suami terhadap isterinya adalah sebahagian daripada tanda-tanda kesempurnaan imannya (suami). Bincangkan pernyataan ini dengan memberi tumpuan kepada langkah-langkah berkesan yang disarankan oleh Islam untuk mengekalkan suai kerukunan hidup berumahtangga.

BAHAGIAN B

4. Pembukaran nikah berlaku melalui beberapa cara, antaranya ialah; talaq, khulu' dan Fasakh. Berdasarkan pernyataan ini bincang dua daripada perkara-perkara berikut:
- (i) Definasi talaq, khulu' dan fasakh menurut pendapat Jumhar ulama' dan huraikan maksud khulu' serta berikan beberapa contoh yang tepat dengan keharusannya.
 - (ii) Huraikan sebab-sebab utama seorang isteri diharuskan menuntut fasakh dari suaminya.
 - (iii) Huraikan pengertian li'an dan kesannya terhadap keutuhan institusi keluarga.
5. Bincangkan kedudukan **CINA BUTA** dalam kontek perceraian yang tidak boleh dirujuk (talaq baain). Berikan pendapat anda berdasarkan kepada situasi masa kini.
6. Talaq raj'i adalah sejenis talaq yang boleh dirujuk, suami isteri diberi kesempatan untuk berfikir dalam tempoh tertentu masing-masing dapat mengambil masa yang sesuai untuk membuat keputusan. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua daripada perkara-perkara berikut:
- (i) apakah yang dimaksudkan dengan 'iddah dan bezakan antara 'iddah wanita yang masih berdarah haid, kematian suami dan yang sedang hamil.
 - (ii) Berikan pengertian ruju' menurut pandangan al-Syafi'e, al-Maliki dan al-Hanbali.
 - (iii) Huraikan beberapa jenis talaq yang tidak boleh dirujuk.